



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Secretary General
Ministry of Health, Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon : 03-8883 2539
Web : www.moh.gov.my
Emel : pejabatksu@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.100-1/6/14 Jld2. (7)
Tarikh : 19 Ogos 2025

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2025

PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI PRESTASI
PENGURUSAN KEWANGAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1.0. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengemas kini maklumat pengurusan kewangan.
- 1.2 Surat Pekeliling ini menggantikan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2008.

2.0. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya, diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

- 2.2. Pelaksanaan penilaian sendiri prestasi pengurusan kewangan ini adalah sebagai Arahan Pegawai Pengawal Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu inisiatif langkah pencegahan bagi pematuhan terhadap Arahan Perbendaharaan dan prosedur semasa serta menggalakkan penilaian sendiri oleh semua Ketua PTJ.
- 2.3. Melalui pelaksanaan penilaian sendiri ini, prestasi pengurusan kewangan setiap PTJ boleh dinilai berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan/pentadbiran berhubung dengan kriteria berdasarkan elemen yang telah ditetapkan.
- 2.4. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Maklumat dan Cawangan Audit Dalam telah melaksanakan penilaian sendiri prestasi pengurusan kewangan menerusi satu sistem *web-based* yang dinamakan Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK).

3.0. SISTEM PENILAIAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

- 3.1. Sistem 3PK ini dapat membantu aktiviti pemantauan dan penilaian prestasi pengurusan kewangan di setiap PTJ dalam Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut sistem penarafan berdasarkan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan Audit Dalam Tahun 2024 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

3.2. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, prestasi pengurusan kewangan setiap PTJ dinilai berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan/pentadbiran berhubung dengan lapan (8) elemen berikut:

- (a) Kawalan Pengurusan,
- (b) Kawalan Bajet,
- (c) Kawalan Terimaan,
- (d) Pengurusan Perolehan,
- (e) Kawalan Perbelanjaan,
- (f) Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit,
- (g) Pengurusan Kenderaan Kerajaan, dan
- (h) Pengurusan Aset dan Stor.

3.3. Bagi setiap elemen berkenaan, terdapat senarai soalan yang perlu dijawab oleh setiap PTJ. Penilaian dibuat berdasarkan markah yang diperolehi mengikut tahap pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan/pentadbiran seperti berikut:

TAHAP PENARAFAN	MARKAH KESELURUHAN
Cemerlang	90% - 100%
Baik	80% - 89.9%
Memuaskan	70% - 79.9%
Kurang Memuaskan	60% - 69.9%
Tidak Memuaskan	0% - 59.9%

3.4. PTJ yang mencapai tahap penarafan Cemerlang boleh dijadikan penanda aras (benchmark) dari segi akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan oleh PTJ lain.

3.5. Dalam sistem ini, setiap PTJ akan mempunyai dua (2) peranan pengguna iaitu:

- (a) *Data Entry* – Menjawab soalan-soalan secara dalam talian mengikut tempoh penilaian yang ditetapkan.
- (b) *Verifier* – Membuat pengesahan terhadap jawapan sebelum dihantar secara dalam talian yang terdiri daripada Ketua PTJ.

3.6. Aliran kerja sistem adalah seperti berikut:

- (a) PTJ menjawab soalan penilaian prestasi pengurusan kewangan (mengikut tempoh penilaian yang ditetapkan) secara dalam talian.
- (b) Sistem akan mengira markah secara automatik dan memberikan peratusan dan penarafan bagi PTJ tersebut.
- (c) Pemantauan prestasi oleh Ketua Setiausaha dan Cawangan Audit Dalam dalam bentuk *dashboard* dan laporan.

4.0. TEMPOH PENILAIAN KENDIRI PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

4.1. Ketika ini, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai 475 PTJ yang menjalankan aktiviti pengurusan kewangan berdasarkan kuasa yang telah diperuntukkan mengikut peringkat PTJ iaitu PTJ1, PTJ2 dan PTJ3.

4.2. Semua 453 PTJ di bawah peringkat PTJ2 dan PTJ3 adalah diwajibkan untuk menjawab semua soalan yang disediakan dalam Sistem 3PK ini mengikut tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

TEMPOH PENILAIAN	TEMPOH UNTUK MENJAWAB SOALAN
Setengah Tahun Pertama (Januari - Jun)	1 hingga 31 Julai
Setengah Tahun Ke Dua (Julai - Disember)	1 hingga 31 Januari tahun berikutnya

5.0. KEBERKESANAN PELAKSANAAN SISTEM

Kejayaan dan keberkesanan sistem ini adalah bergantung penuh kepada integriti dan ketepatan jawapan yang diberikan. Oleh itu, semua Ketua PTJ hendaklah memastikan ketepatan maklumat dan bertanggungjawab penuh terhadapnya.

6.0. PEMANTAUAN

- 6.1. Cawangan Audit Dalam akan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan dan pematuhan Surat Pekeliling ini.
- 6.2. Kedudukan tahap penarafan dan markah keseluruhan bagi PTJ dilaporkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Kementerian Kesihatan Malaysia.

7.0. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.

8.0. PEMBATALAN


Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2008 bertarikh 30 Jun 2008 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI SURIANI BINTI DATO' AHMAD)

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Salinan Kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)